

01 JUL 2003

MAHATHIR-PERDAGANGAN/I

BANYAK NEGARA BERMINAT BERDAGANG DENGAN M'SIA GUNA DINAR EMAS

KUALA LUMPUR, 1 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata selain Iran, banyak negara, terutama negara di Asia Barat, berminat melakukan perdagangan dengan Malaysia menggunakan dinar emas.

"Negara-negara Arab, khususnya, telah melahirkan minat tetapi pembuatan keputusan dan prosedur birokratik mengambil masa," katanya pada sidang berita selepas merasmikan Konvensyen Antarabangsa mengenai Dinar Emas sebagai Pilihan Mata Wang Antarabangsa di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, usaha menggunakan dinar emas dalam perdagangan bilateral Kuala Lumpur - Teheran baru sahaja bermula dan proses itu mungkin memakan masa.

Jika berjaya, mekanisma yang sama akan digunakan dan dikembangkan kepada rakan perdagangan Malaysia yang lain, katanya.

"Kami bersedia menggunakan dinar emas. Tetapi negara lain sama ada tidak memahami (konsepnya) atau menghadapi masalah membuat keputusan," katanya.

Mengenai bila Malaysia dijangka berdagang menggunakan dinar, katanya: "Kami berharap tidak lama lagi."

Ketika ditanya sama ada ini dapat dicapai tahun ini, Dr Mahathir berkata: "Kemungkinan, kita lihat sama ada kita boleh melakukannya dengan Iran."

Katanya, Malaysia boleh meneruskan mempromosikan dinar emas bukan sahaja dengan negara Islam, terutama ketika Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) akan datang, tetapi juga dengan negara-negara bukan Islam.

Penggunaan dinar emas sebagai satu pilihan menyelesaikan transaksi perdagangan boleh digunakan oleh mana-mana negara kerana ia sama dengan perbankan Islam, katanya.

Ketika ditanya jika ada sebarang bantahan dalam penggunaan dinar emas, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak nampak sebarang bantahan kerana dinar emas adalah sama dengan standard emas yang digunakan dalam Perjanjian Bretton Woods."

Perjanjian Bretton Woods ialah mengenai penetapan kadar pertukaran mata wang negara perdagangan utama berbanding emas. Nilai mata wang itu ditambah berbanding dollar AS yang sebaliknya ditetapkan kepada 1/35 auns emas atau US\$35 seauns.

Sama ada AS menyatakan pendiriannya mengenai dinar emas, Dr Mahathir berkata, beliau tidak mendengar sebarang bantangan oleh Washington mengenai perkara itu. -- BERNAMA

MAD TJK AHM